



مَجْلِسُ اِكَامَةِ اِسْلَامِ وِلَايَةِ فَتَرَاكُوڤَانْ
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN
(MAIWP)

PANDUAN PENGAGIHAN ZAKAT MELALUI WAKALAH

URL www.maiwp.gov.my

FB www.facebook.com/Baitulmal-MAIWP

EM baitulmal@maiwp.gov.my

PANDUAN PENGAGIHAN ZAKAT MELALUI WAKALAH

1. DEFINISI

Wakalah

MAIWP mewakilkan kuasa kepada pembayar zakat untuk mengagihkan sendiri wang zakat kepada golongan asnaf yang layak melalui pemulangan semula sejumlah wang zakat yang dibayar berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

2. ASNAF YANG LAYAK MENERIMA ZAKAT MENERUSI AGIHAN WAKALAH

□ FAKIR

Seseorang yang tidak mempunyai sebarang harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan daripada sumber-sumber lain tetapi jumlahnya tidak sampai 50% daripada had kifayah untuk keperluan asas dirinya dan tanggungannya.

□ MISKIN

Seseorang yang mempunyai pekerjaan atau pendapatan yang melebihi 50% tetapi tidak mencapai had kifayah untuk keperluan asas dirinya dan tanggungannya.

□ MUALLAF

Mereka yang dijinakkan hatinya atau mereka yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya).

lanya boleh dibahagikan kepada dua, iaitu:

I. Beragama Islam

- ✓ Baru memeluk agama Islam
- ✓ Orang yang memeluk Islam tetapi masih lemah imannya

II. Bukan Beragama Islam

- ✓ Boleh dipujuk supaya masuk Islam
- ✓ Cenderung hatinya kepada ajaran Islam.
- ✓ Ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang baik hubungannya dengan ketua-ketua Islam.
- ✓ Masyarakat orang Asli yang boleh dipujuk supaya menganut Islam

□ FI SABILILLAH

Seseorang atau pihak yang melibatkan diri dalam sesuatu aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.

□ **AR-RIQAB**

- I. Orang Islam yang dibelenggu atau dieksploitasi dari aspek pemikiran, harta benda, kekuasaan dan kebebasan yang tidak mampu membebaskan dirinya daripada belenggu tersebut.

II. Golongan yang dikategorikan di bawah asnaf Ar-Riqab:

a. Kesalahan yang berhubungan dengan akidah

- ❖ Kejahilan dalam agama seperti murtad;
- ❖ Ajaran sesat.
- ❖ Fahaman-fahaman yang bertentangan dengan akidah ahli Sunnah Wa Jamaah seperti liberalisme, orientalisme dan lain-lain.

b. Kesalahan yang berhubungan dengan kesucian agama Islam dan institusinya

- ❖ Menolak kemudharatan seseorang individu daripada belenggu pemikiran yang dialami.
- ❖ Perluasan asnaf ini bagi kes-kes: mencaci/ menghina/ mencabar agama atau Institusi Islam.

c. Kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan

- ❖ Menyelamat/ melindungi wanita atau lelaki daripada terjerumus aktiviti –aktiviti tidak bermoral,
- ❖ Aktiviti pelacuran,
- ❖ LGBT (lesbian, gay, bisexual dan transgender) dan lain-lain.

d. Kesalahan yang berhubungan dengan dadah

- ❖ Mereka-mereka yang terlibat secara langsung atau tidak seperti pengedar / penagih dan dalam proses pemulihan.
- ❖ Termasuk juga yang terlibat dalam lain-lain aktiviti penagihan seperti pil-pil kuda, ecstasy dan seumpamanya.

e. Terbelenggu dengan penyakit kronik

- ❖ Pesakit Aids/ HIV/ TIBI adalah terbelenggu dari segi kebebasan dan dari menjalani kehidupan yang sihat.

f. Individu Yang Ditinggalkan dan Tiada Tempat Bergantung

- ❖ Bayi yang ditinggalkan ini terbelenggu kehidupannya daripada kejahilan terhadap agama, kebebasan dan harta.
- ❖ Diperluaskan kepada isteri/ suami/ ibubapa/ anak-anak yang ditinggalkan adalah termasuk dalam belenggu agama, kebebasan dan harta.
- ❖ Diperluaskan juga kepada golongan gelandangan.

g. Kes-Kes Ancaman dan Keselamatan

- ❖ Perluasan bantuan melalui asnaf bagi kes-kes yang mengancam keselamatan nyawa, maruah diri dan keluarga seperti hutang ah long.
- ❖ Hilang tempat perlindungan kerana dihalau oleh keluarga / tuan rumah sewa.

III. Konsep dan Skim Agihan

- a. Berfungsi melaksanakan tugas-tugas membebaskan, mengurus, melindungi, merawat dan memulihkan asnaf Ar-Riqab supaya dapat menjalani kehidupan sempurna sebagai muslim.
- b. Perluasan asnaf Ar-Riqab bukan sahaja diberikan kepada pusat-pusat pemulihan bahkan kepada individu-individu yang terlibat.

▮ **AL-GHARIMIN**

Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga dan tanggungannya atau masyarakat serta individu yang ditimpa musibah dan hutang yang dibenarkan oleh hukum syarak.

▮ **IBNU SABIL**

- a. Mana-mana orang yang berada dalam perjalanan atau baru hendak memulakan perjalanan dari mana jua negeri atau negara dengan tujuan yang dibenarkan Syarak dan memerlukan bantuan bagi meneruskan perjalanan sehingga mencapai tujuan.
- b. Pembahagian kategori Ibnu Sabil oleh Mazhab Shafi'e:
 - ❖ Anak watan/ Orang yang bermukim di suatu tempat yang hendak memulakan perjalanan;
 - ❖ Orang asing yang terkandas dan tidak dapat meneruskan perjalanan.

3. GARIS PANDUAN AGIHAN SECARA WAKALAH

a) AGIHAN KEPADA INDIVIDU

Syarat :

- i. Beragama Islam.
- ii. Warganegara Malaysia dan Pemastautin Tetap.
 - Bukan warganegara yang beragama Islam boleh dibantu sekiranya bersesuaian.
 - Bagi tujuan dakwah kepada orang asli yang bukan Islam boleh dibantu.
- iii. Pendapatan Keluarga tidak melebihi Had Kifayah.
(Had Kifayah mengikut lokasi / negeri masing-masing)

b) AGIHAN KEPADA AGENSI / PERTUBUHAN

Syarat :

- i. Agensi / pertubuhan yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan seumpamanya.
- ii. Masjid / surau yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri.
- iii. IPT dan sekolah yang berdaftar dengan Jabatan / Majlis Agama Islam Negeri / Kementerian Pendidikan Malaysia.

c) BENTUK AGIHAN

Dibenarkan

- Sebagaimana skim-skim bantuan agihan zakat Baitulmal.
- Pembelian peralatan asas masjid, surau atau sekolah seperti karpet, siaraya, komputer, kipas dan seumpamanya.
- Pembiayaan program / aktiviti keagamaan, pendidikan, motivasi, pembentukan sahsiah dan seumpamanya.
- Kos yang boleh dibantu melibatkan bayaran suguhati penceramah, makanan dan minuman, kelengkapan kursus dan seumpamanya.

Tidak Dibenarkan

- Menyerahkan Wang Agihan Zakat (Wakalah) kepada mana-mana Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) atau Pusat Zakat Negeri (PZN).
- Menyelesaikan hutang dengan institusi kewangan atau mana-mana institusi yang tidak berlesen seperti 'along'.
- Menyelesaikan hutang berkaitan dana pendidikan seperti PTPTN, MARA, Yayasan dan seumpamanya.
- Modal perniagaan yang tidak diharuskan oleh syarak.
- Pembelian aset seperti rumah, tanah dan kenderaan untuk kegunaan pembayar.
- Membiayai urusan ibadah seperti haji, umrah, korban, akikah dan seumpamanya.
- Aktiviti dan peralatan berbentuk hiburan yang bertentangan syarak.
- Sambutan ulang tahun penubuhan, hari keluarga dan seumpamanya.
- Kejohanan sukan, sukaneka dan seumpamanya.
- Lawatan, rombongan, pengangkutan, sewaan dewan dan siaraya.
- Suguhati kepada VIP.
- Percetakan bahan bukan ilmiah.

Dasar pengagihan zakat ini adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Baitulmal, pandangan SS Mufti Wilayah Persekutuan dan hukum syarak.

4. SKIM BANTUAN ZAKAT BAITULMAL MAIWP:

1. SKIM BANTUAN KEWANGAN BULANAN

- ❖ Membantu memenuhi keperluan asnaf dalam bentuk kewangan bulanan melalui akaun penerima.

2. SKIM BANTUAN AM PERSEKOLAHAN

- ❖ Membantu pelajar sekolah rendah dan menengah daripada keluarga yang kurang berkemampuan.
- ❖ Diuruskan oleh guru-guru yang dilantik oleh Baitulmal MAIWP
- ❖ Bantuan diberikan untuk membantu menampung perbelanjaan yuran persekolahan dan keperluan pembelajaran.

3. SKIM BANTUAN DEPOSIT SEWA BELI TEKSI

- ❖ Membantu mereka yang kurang berkemampuan tapi berminat dan berpotensi meningkatkan taraf ekonomi keluarga dengan menyalurkan bantuan deposit sewa beli teksi.
- ❖ Bantuan disalurkan terus kepada syarikat pengendali/pengeluar teksi berkenaan.

4. BANTUAN MEMBINA/MEMBAIKI RUMAH DAN DEPOSIT MEMBELI RUMAH KOS RENDAH

- ❖ Membantu mereka yang kurang berkemampuan dari segi kewangan bagi membina rumah, membaiki rumah dan deposit membeli rumah kos rendah.
- ❖ Bantuan akan dibayar kepada kontraktor yang terlibat dalam pembinaan / membaiki rumah.
- ❖ Bantuan deposit pembelian rumah kos rendah dibuat terus kepada pihak pemaju atau agensi yang berkaitan seperti DBKL.

5. BANTUAN KEPADA AGENSI-AGENCI KEBAJIKAN

- ❖ Membantu agensi-agensi kebajikan (NGO), masjid/surau, sekolah-sekolah dan NGO di wilayah persekutuan untuk menjalankan aktiviti dakwah/kebajikan, membeli peralatan/ kelengkapan masjid/surau serta menjalankan program-program keagamaan.

6. BANTUAN RAMADHAN

- ❖ Membantu asnaf bagi menampung perbelanjaan sempena hari raya aidilfitri.
- ❖ Diberikan kepada penerima bantuan bulanan baitulmal, penuntut-penuntut IPB, pelatih-pelatih institute kemahiran baitulmal (IKB), penghuni dar-saadah dan saudara muslim yang diuruskan oleh pihak jabatan agama islam wilayah persekutuan.

7 . BIASISWA BAITULMAL/INTENSIF KHAS PELAJAR CEMERLANG

- ❖ Memberi biasiswa pendidikan untuk menjana kos pengajian bagi pelajar-pelajar cemerlang yang layak bagi pengajian peringkat diploma hingga ijazah kedoktoran

8. BANTUAN DEPOSIT SEWA RUMAH DAN SEWA RUMAH BULANAN

- ❖ Membantu mereka yang tidak berkemampuan bagi membayar deposit/sewa rumah dan sewa rumah bulanan
- ❖ Bantuan deposit/sewa dibayar terus kepada pemilik rumah/agensi yang berkaitan seperti DBKL

9. BANTUAN MENYELESAIKAN HUTANG

- ❖ Membantu mereka yang mempunyai tanggungan hutang akibat daripada aktiviti memenuhi keperluan asasi seperti makanan, kesihatan, pelajaran, perlindungan dan pakaian.

10. BANTUAN MUSIBAH

- ❖ Membantu meringankan beban golongan yang ditimpa musibah seperti ribut, angin putting beliung, kebakaran, banjir, tanah runtuh, kemalangan jiwa samada di darat, udara dan laut yang mengakibatkan kehilangan anggota keluarga, kecurian, rompakan dan seumpamanya.
- ❖ Bantuan diberikan kepada mangsa musibah tanpa mengira had kifayah dengan menganggapnya jatuh miskin akibat kerugian semasa.

11. BANTUAN DEPOSIT MEMBELI VAN/BAS SEKOLAH

- ❖ Membantu golongan asnaf yang berpotensi meningkatkan taraf kehidupan melalui bantuan deposit van/bas sekolah untuk beli van/bas sekolah

12. BANTUAN PERUBATAN

- ❖ Membantu pesakit yang tidak berkemampuan mendapatkan rawatan perubatan daripada mana-mana hospital kerajaan.

13. BANTUAN DEPOSIT MEMBELI MOTOSIKAL RODA TIGA UNTUK OKU

- ❖ Membantu golongan orang kurang upaya (OKU) dengan memberikan bantuan deposit membeli motosikal roda tiga untuk OKU bagi membolehkan mereka berusah menyara hidup.

14. BANTUAN TAMBANG DALAM/LUAR NEGERI (IBNU SABIL)

- ❖ Membantu mereka yang menghadapi keputusan perbelanjaan sama ada tambang atau makanan dalam perjalanan atau penginapan untuk balik secara terpaksa ke satu-satu destinasi sama ada dalam atau luar negeri

15. BANTUAN PERKAHWINAN

- ❖ Membantu pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan.
- ❖ Permohonan pasangan yang telah melangsungkan perkahwinan hendaklah dibuat tidak lebih 3 bulan daripada tarikh perkahwinan.

16. BANTUAN GALAKAN HAFAZAN AL-QURAN

- ❖ Menyalurkan sumbangan kepada umat Islam yang menghafaz al-Quran sebagai intensif bagi meneruskan usaha menghafaz al-Quran.
- ❖ Pemohon akan diuji setiap 6 bulan oleh panel temuduga yang dialantik oleh MAIWP
- ❖ Terbuka kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan (JPWP)

17. BANTUAN AM PELAJARAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

- ❖ Membantu pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi yang mana kursus yang diambil mesti diiktiraf oleh kementerian pendidikan/agensi kelayakan malaysia (MQA) atau jabatan dibawahnya.

18. SKIM BANTUAN PERSEDIAAN IPT

- ❖ Terbuka kepada pelajar-pelajar yang telah mendapat tawaran untuk menyambung pengajian ke sekolah berasrama penuh dan institusi pengajian tinggi awam atau swasta.

19. BANTUAN PERTANIAN

- ❖ Membantu golongan asnaf yang ingin berdikari dengan menjalankan projek pertanian bagi meningkatkan taraf ekonomi dan mengembangkan projek pertanian dan perniagaan.

20. BANTUAN PERNIAGAAN

- ❖ Membantu peniaga-peniaga kecil mengembangkan perniagaan

21. BANTUAN SEGERA

- ❖ Membantu mereka yang menghadapi masalah dan memerlukan pertolongan serta-merta / segera akibat terputusnya perbelanjaan sara hidup.

22. BANTUAN PERALATAN DAN KECEMASAN PERSEKOLAHAN

- ❖ Membantu meringankan beban perbelanjaan ibu/bapa/penjaga yang kurang berkemampuan apabila menjelang musim persekolahan baru. Perbelanjaan akan mengambil kira perkara-perkara asas seperti pakaian, beg, kasut, yuran tahunan/yuran peperiksaan, buku-buku dan tambang bas.

23. BANTUAN GUAMAN SYARIE

- ❖ Membantu umat islam yang menghadapi masalah pendakwaan/tuntutan kes di mahkamah syariah bagi kes-kes tertentu.

5. HAD KIFAYAH

Had Kifayah dari sudut bahasa ialah kadar keperluan (kecukupan). Manakala dari sudut istilah ialah kadar minima bagi keperluan asas dalam kehidupan seseorang. Secara ringkasnya, Had Kifayah merujuk kepada suatu kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa. Had ini juga digunakan bagi mengetahui kadar yang perlu dibantu untuk menepati kecukupan perbelanjaan asasi.

Penilaian yang dibuat dalam menentukan Had Kifayah ini merangkumi 7 aspek keperluan asas iaitu *perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan, pengangkutan, komunikasi dan multimedia*.

CONTOH PERKIRAAN HAD KIFAYAH

“ Satu keluarga terdiri dari suami (bekerja), isteri (tidak bekerja) dan 4 orang anak yang berumur 15 tahun, 13 tahun, 6 tahun dan 2 tahun serta tinggal di rumah sewa. Pendapatan isi rumah ialah RM1,000.00 ”

Pengiraan had kifayah bagi keluarga ini adalah seperti berikut:

KEPERLUAN ASASI	KETUA KELUA RGA (RM)	DEWASA (ISTERI TIDAK BEKERJ A) (RM)	REMAJA SK (15 TAHUN) (RM)	REMAJA SK (13 TAHUN) (RM)	KANAK-K ANAK PRK (6 TAHUN) (RM)	KANAK -KANA K TK (6 TAHUN) (RM)
Perlindungan	550	-	-	-	-	
Makanan	180	150	90	90	90	120
Pakaian	50	50	20	20	20	50
Perubatan	50	50	20	20	20	30
Pelajaran	-	-	50	50	30	-
Pengangkutan	170	-	90	90	60	-
JUMLAH	1000	250	270	270	220	200

Berdasarkan jadual di atas Had Kifayah sebanyak **RM2,210.00** (1000 + 250 + 270 + 270 + 220 + 200). Oleh itu, berdasarkan definisi asnaf, pemohon dikategorikan di bawah **asnaf fakir** kerana kadar pendapatan (RM1,000.00) tidak sampai 50% daripada keperluan (RM 2,210.00 / 2 = RM 1,105.00)

JADUAL PERKIRAAN HAD KIFAYAH

Nama Pemohon/ Ketua Keluarga			
No. Kad Pengenalan			
Jumlah Tanggungan			
Alamat			
No. Tel. Rumah		No. Tel. Bimbit	

MAKLUMAT PENDAPATAN (A)

1.	Pendapatan Suami / Ketua Keluarga	RM
2.	Pendapatan Isteri	RM
3.	Pendapatan Lain (Pemberian Anak/ Bantuan JKM/ Rumah Sewa, Wang Simpanan Dan Sebagainya)	RM
4.	Kereta 1.5cc ke bawah (RM50.00)	Kereta 1.5cc ke atas (RM 100.00)
A	JUMLAH KESELURUHAN PENDAPATAN	RM

MAKLUMAT KEPERLUAN (B)

1.	Pemohon (Rumah Sendiri)	Orang	RM 550.00	RM
	Pemohon (Rumah Sewa)	Orang	RM 1000.00	RM
2.	Dewasa Bekerja (Isteri)	Orang	RM 280.00	RM
3.	Dewasa Tidak Bekerja(isteri)/ Tidak Bersekolah (18 Tahun Ke Atas)	Orang	RM 210.00	RM
4.	Remaja Bersekolah (13 – 17 Tahun)	Orang	RM 270.00	RM
5.	Kanak – Kanak Bersekolah (7 – 12 Tahun)	Orang	RM 240.00	RM
6.	Kanak – Kanak Pra Sekolah (5 – 6 Tahun)	Orang	RM 220.00	RM
7.	Kanak – Kanak Tidak Bersekolah (4 Tahun Ke Bawah)	Orang	RM 200.00	RM
8.	Sakit Kronik	Orang	RM 250.00	RM
9.	OKU	Orang	RM 250.00	RM
10.	Ibu Tunggal / Tinggal	Orang	RM 250.00	RM
11.	Anak Belajar Di IPTA / IPTS	Orang	RM 250.00	RM
12.	Keluarga Bermasalah	Orang	RM 250.00	RM
13.	Saudara Baru	Orang	RM 250.00	RM
B	JUMLAH KESELURUHAN KEPERLUAN			RM

PENDAPATAN	(Jumlah A – Jumlah B)			Lebih		Kurang			RM
ASNAF	Fakir		Miskin		Fisabilillah		Muallaf		Al-Gharimin Ibnu Sabil

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi: **Unit Susulan Dan Pengurusan Wakalah, Baitulmal MAIWP**
Tingkat 22, Bangunan PERKIM No. 150, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur.
No Tel : 03- 4047 600

Bil	Nama	No Tel	Email
1.	Mohd Izham Bin Baharom	03-4047 600 ext 7630 / 019-4377939	mohdizham@maiwp.gov.my
2.	Mohd Hafiz Bin Ab Azir	03-4047 600 ext 7401 / 011-37041786	mohd.hafiz@maiwp.gov.my